

**Warga Malaysia Nyatakan Kesungguhan Menentang Rasuah  
Bernama  
10 Julai, 2013**

KUALA LUMPUR, 10 Julai (Bernama) -- Rakyat Malaysia menyatakan kesungguhan yang tinggi untuk menyokong usaha menentang rasuah, demikian menurut keputusan Barometer Rasuah Global (GCB) Transparency International 2013 yang dikeluarkan Selasa.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri Senator Datuk Paul Low Seng Kuan berkata majoriti begitu besar percaya orang biasa boleh melakukan perbezaan, sementara hampir 80 peratus akan melaporkan perbuatan rasuah.

"Selain itu, peratusan mereka yang ditinjau yang menyatakan mereka telah membayar rasuah dalam 12 bulan lepas kekal rendah pada 3 peratus (angka 2011 adalah 1.2 peratus) berbanding purata global 27 peratus," katanya dalam satu kenyataan di sini.

Keputusan GCB 2013 hari ini, yang berasaskan satu tinjauan umum meliputi 114,000 orang di 107 negara di seluruh dunia.

Di Malaysia, keputusan itu berdasarkan tinjauan 1,000 responden dikendalikan antara Sept 2012 hingga Mac tahun ini.

Low berkata polis dan institusi politik terus dianggap sebagai institusi paling rasuah di Malaysia, yang turut konsisten dengan keputusan seluruh dunia di mana 36 negara melihat polis sebagai paling korup, badan kehakiman paling korup di 20 negara dan institusi politik di 51 negara.

"Dari kalangan mereka yang telah memberi rasuah, polis dan badan kehakiman didakwa penerima utama. Perlu diambil perhatian bahawa dalam tinjauan lepas pada 2011, sementara polis sekali lagi penerima tertinggi rasuah, badan kehakiman mencapai 0 peratus, yakni tidak pun dilaporkan sebagai penerima rasuah," kata beliau.

Low berkata peratusan rakyat Malaysia yang menaruh persepsi positif mengenai tindakan kerajaan dalam memerangi rasuah menurun ke 31 peratus dari 49 peratus pada 2011.

"Sementara mereka yang berpendirian pertengahan iaitu tidak berkesan atau berkesan kini meningkat kepada 44 peratus berbanding 27 peratus pada 2011," kata beliau.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=962227>